

SOALAN NO: 176

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB DATUK JUSLIE BIN AJIROL

SOALAN:

Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah terdapat sebarang latihan kemahiran yang ditawarkan kepada lepasan sekolah yang tercicir (*drop out*) di dalam industri-industri kritikal yang memerlukan tenaga kerja dan secara tidak langsung juga dapat menjimatkan kos operasi majikan untuk melatih pekerja baru.

PR-1361-T01782

208

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) melaksanakan program Sistem Latihan *Dual* Nasional (SLDN) Khas khusus kepada golongan tercicir (*drop out*) terutamanya kepada pelajar yang tidak dapat menamatkan 11 tahun persekolahan. SLDN merupakan sistem latihan yang berkonsepkan 70% latihan di tempat kerja dan 30% teori di institusi latihan. Program SLDN Khas ini bermula semenjak Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe10) dan diteruskan hingga ke Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe11).

2. Pelatih yang mengikuti program SLDN, RMKe-10 dan RMKe-11 akan menerima elaun RM300.00 secara bulanan daripada Kerajaan. Manakala Syarikat dan Pusat Latihan yang menyediakan latihan kepada pelatih akan menerima insentif masing-masing sebanyak RM200.00 dan RM125.00 secara bulanan bagi setiap pelatih. Semenjak tahun 2011 hingga ke hari ini, sebanyak 23,777 perantis telah mendapat manfaat daripada program ini.

3. Di samping itu, Jabatan Tenaga Manusia (JTM) sentiasa bersedia menyediakan laluan bagi menggalakkan belia lepasan sekolah dan mereka yang dibuang kerja mendapatkan kemahiran baru, mahupun meningkatkan kemahiran sedia ada melalui kursus

2009

jangka pendek di ILJTM dalam bidang kemahiran teknikal/kejuruteraan. Berkonsep kursus *modular* (dirancang mengikut kalendar latihan) dan *customized* (modul dibentuk setelah perbincangan dua hala antara peserta dan penyedia latihan), kursus ini dibuka sepanjang tahun pada hujung minggu ataupun selepas waktu pejabat kepada semua belia yang berminat.